

26 SEP 2000

MAHATHIR-BELANJAWAN/I

BELANJAWAN 2001 DIJANGKA LEBIH BAIK, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjangkakan Belanjawan 2001 yang lebih baik dengan potensi ia menjadi belanjawan lebihan.

"Saya rasa kita mempamerkan prestasi baik tahun ini. Sebenarnya kita telah memperolehi wang yang mencukupi.

"Oleh itu, kita berharap agar dapat mencapai belanjawan lebihan. Bagaimanapun, jika kita gagal mencapainya, ia tidaklah teruk sangat," katanya kepada sidang akhbar selepas pembukaan Pusat Perdagangan Kedah di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata ekonomi mencatatkan prestasi yang sangat baik. "Perdagangan meningkat, pergerakan kontena bertambah dan lebih banyak kapal datang ke sini untuk mengambil dan menghantar kontena. Oleh itu, gambaran secara umumnya adalah sangat baik."

Dengan berharap perkembangan ekonomi ini berterusan, beliau berkata kerajaan akan melakukan sebaik mungkin untuk mengekalkan momentum pertumbuhan ini.

Mengenai cadangan kenaikan harga petrol, Dr Mahathir berkata kerajaan telah mengkaji harga petrol dan mendapati oleh kerana harga petrol tempatan murah berikutan subsidi, sesetengah pihak didapati menyeludup bahan api itu.

"Saya diberitahu di sesetengah negara harga satu liter petrol adalah RM12 berbanding dengan RM1.10 bagi satu liter di sini. Anda boleh lihat perbezaan harga yang begitu besar."

Dr Mahathir berkata kerajaan sedar peningkatan dalam harga petrol akan memberi kesan kepada kos pengangkutan.

Beliau memberi jaminan kerajaan akan memastikan peningkatan dalam kos pengangkutan tidak akan membebankan pengguna.

Apabila ditanya mengenai cadangan Penerbangan Malaysia untuk menaikkan harga tambang domestik, Dr Mahathir berkata: "Penerbangan Malaysia memohon untuk menaikkan harga. Kerajaan akan cuba mencari jalan penyelesaian yang terbaik."

Beliau berkata masalah yang dihadapi oleh Penerbangan Malaysia adalah syarikat itu terpaksa membeli bahan api pada harga antarabangsa yang ketika ini sangat tinggi manakala pemandu kereta membeli bahan api pada harga subsidi.

Malahan sebelum kenaikan dalam harga petroleum, Penerbangan Malaysia tidak memperolehi pulangan dalam laluan domestiknya, kata Dr Mahathir.

"Apabila harga minyak meningkat terlalu tinggi, Penerbangan Malaysia akan mengalami kerugian yang besar. Kita tidak mahu syarikat itu rugi."

Mengenai prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dengan Indeks Komposit penanda arasnya kini berada di paras 730 mata, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu sama ada (levi penghantaran pulang keuntungan) 10 peratus atau faktor-faktor lain yang menyebabkan prestasi tidak menentu dalam pasaran saham."

Beliau berkata kerajaan mahu mengenal pasti faktor sebenar yang menyebabkan pasaran terjejas.

Perdana Menteri menyatakan minimum levi 10 peratus hanya dikenakan bagi dividen dan bukan keuntungan modal.

"Saya rasa (apabila) pelabur asing datang ke negara ini untuk membuat keuntungan, mereka sepatutnya membayar sesuatu kepada kita. Di negara-negara lain termasuk negara maju, mereka mengenakan cukai terhadap

keuntungan modal tetapi ianya tidak berlaku di sini."

Dr Mahathir berkata jika Malaysia tidak mengenakan cukai terhadap keuntungan modal, dividen ataupun apa sahaja, negara tidak akan memperolehi apa-apa manakala pelabur-pelabur asing mendapat keuntungan daripada pelaburan mereka di sini.

"Secara tiba-tiba, jika mereka memutuskan untuk menarik diri bersama-sama, negara akan mengalami kerugian besar. Oleh itu kita mengambil risiko yang besar," tambahnya. -- BERNAMA

MK MFJ FR ZK OS